

07 AUG 1998

UMNO SOKONG SEGALA PENDIRIAN KERAJAAN BERHUBUNG SINGAPURA

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- UMNO malam ini membuat keputusan untuk menyokong segala pendirian kerajaan berhubung isu-isu berbangkit dengan Singapura termasuk isu pemindahan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Malaysia di Tanjong Pagar.

"Kita telah menjelaskan (kepada anggota Majlis Tertinggi) asas-asas pertelagahan ini dan sikap kita terhadap Singapura," kata Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) di ibu pejabat parti di sini.

Beliau berkata setakat ini UMNO tidak mengambil apa-apa tindakan berhubung isu itu.

Ditanya sama ada UMNO akan berjumpa dengan parti pemerintah republik itu, PAP, untuk membincangkan masalah hubungan kedua-dua negara, Dr Mahathir berkata: "Kita tak ada rancangan nak jumpa dengannya."

Singapura memindahkan pusat CIQnya dari stesen keretapi Tanjong Pagar ke Woodlands pada 1 Ogos lepas dan mahu Malaysia mengikuti langkahnya. Malaysia, bagaimanapun memutuskan untuk tidak memindahkan pusat pemeriksaan CIQnya yang terletak di stesen keretapi Tanjong Pagar itu.

Berikutan timbulnya ketegangan hubungan Malaysia-Singapura ekoran isu itu, Perdana Menteri semasa melawat Johor pada hujung minggu mengingatkan pemerintah Singapura supaya "jangan mengambil mudah" terhadap kebaikan Malaysia serta menegaskan bahawa Malaysia hanya menuntut layanan yang tidak lebih daripada apa yang diberikan kepadanya.

Pada mesyuarat selama lebih dua setengah jam itu, Dr Mahathir berkata anggota MT turut membincangkan masalah ekonomi negara terutamanya mengenai "usaha pemulihan ekonomi dan usaha orang lain menggagalkan usaha kita".

--BERNAMA

RAZ oba